

24/01/2002

Indonesia perketat proses hantar buruh

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Indonesia, yang merayu rakyatnya terus dibenarkan bekerja di Malaysia, mengetatkan proses penapisan bagi memastikan hanya mereka yang berdisiplin bekerja di negara ini.

Duta Besarnya di sini, Hadi A Wayarabi Al Hadar, berkata tempoh latihan persediaan bagi rakyatnya yang bakal bekerja di luar negara dilanjutkan dari 21 hari kepada 35 hari.

Katanya, peraturan baru itu yang kini hanya diperkenalkan kepada penduduk Jawa Timur dan Jakarta, akan diperluaskan ke seluruh republik itu.

Melalui proses itu, katanya, semua agensi pekerjaan di Indonesia diwajibkan memberi latihan bidang tugas serta penekanan terhadap pendidikan disiplin, cara hidup dan undang-undang negara majikan.

Beliau menyifatkan rusuhan pekerja Indonesia di Nilai dan pergaduhan di Sepang baru-baru ini bukan mencerminkan sikap keseluruhan rakyat republik itu yang bekerja di Malaysia.

"Oleh itu, pada kesempatan ini, saya berharap seluruh rakyat Malaysia dapat menerima pekerja kami," katanya di Kedutaan Indonesia, di sini hari ini.

Khamis lalu, lebih 500 pekerja Indonesia merusuh dan menyerang anggota polis di asrama lelaki Kilang Hualon Corporation (M) Sdn Bhd.

Kelmarin pula, kira-kira 70 pendatang Indonesia bergaduh dan membakar lima gerai makan di Kampung Limau Manis, Sepang.

Pelbagai pihak termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pendatang Indonesia pulang jika mahu menimbulkan masalah di negara ini.

Hadi berkata, kerajaannya turut mengarahkan Kementerian Sumber Manusia dan Transmigrasi negara itu memantau semua agensi pekerjaan di sana bagi memastikan tidak ada rakyatnya ke Malaysia melalui tekong haram.

Beliau berkata, pada pertemuannya dengan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Fuzi Abdul Razak pagi ini, pihaknya memaklumkan cadangan agar kakitangan kedutaan dan tiga pejabat konsulat Indonesia dihantar ke kilang untuk menyampaikan arahan yang perlu dipatuhi pekerja Indonesia.

"Kami juga akan meminta izin majikan bagi membolehkan mereka menampal notis mengenai arahan itu di semua kilang berkenaan," katanya.

Arahan itu termasuk semua pekerja Indonesia perlu bertugas dengan baik; taat kepada peraturan kilang; menunjukkan akhlak serta tingkah laku baik sebagai warga Indonesia serta imej kepada negara dan bangsa.

Mengenai keputusan kerajaan menghantar pulang rakyat Indonesia, Hadi berkata, pihaknya tidak berhak campur tangan dalam urusan dalaman kerajaan Malaysia berhubung perkara itu.

"Bagaimanapun, tentu pemerintah Indonesia ada saluran diplomatiknya untuk membicarakan masalah ini. Jadi, saya tidak boleh mengulas hal ini kerana ia adalah urusan dalam negeri Malaysia," katanya.

Hadi turut meminta media Malaysia tidak membesarkan kejadian yang membabitkan salah laku rakyat Indonesia di negara ini.

Mengenai kenyataan maaf Menteri Sumber Manusia dan Transmigrasinya, Jacob Nuwa Wea, beliau berkata kenyataan itu dibuat oleh kerajaannya dan membabitkan hubungan kedua-dua kerajaan.

Mengenai tindakan kerajaan Indonesia menghantar dua pakar undang-undang bagi menyiasat penahanan pekerja Indonesia yang merusuh, Hadi berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

(END)